

R BU13 DEB  
MAHATHIR-KELAB

1985

KUALA LUMPUR, 18 MEI (BERNAMA) -- MASALAH KEWANGAN KELAB-KELAB ANGGOTA KAKITANGAN KERAJAAN AKAN DIRUJUK KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN KEMUNGKINAN PEPUJUTUKAN AKAN DIADAKAN BAGI MEMBANTU MEREKA MENGATASI MASALAH ITU, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, INI MEMANDANGKAN KELAB-KELAB ITU TIDAK ADA SUMBER-SUMBER LAIN SELAIN DARIPADA YURAN PARA ANGGOTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI MALAM KELUARGA MAJLIS SUKAN DAN KEBAJIKAN JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI, KELAB-KELAB ANGGOTA KAKITANGAN KERAJAAN MENGHADAPI DILEMA, DIMANA MEREKA PERLU MENJALANKAN PELBAGAI AKTIVITI YANG MEMERLUKAN SUMBER KEWANGAN YANG KUKUH TETAPI DILARANG UNTUK MENERIMA DERMA DARI PIHAK SWASTA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KELAB-KELAB ITU BOLEH MENERIMA DERMA DARI SYARIKAT-SYARIKAT MILIK KERAJAAN DAN TIDAK MUNGKIN DITUDUH DENGAN BERBAGAI TOHMAH DARI MASAYRAKAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENGGALAKAN PARA KAKITANGANNYA UNTUK BERSUKAN DAN SEBALIKNYA, KERAJAAN TIDAK MENGGALAKAN MEREKA MEMOHON DERMA DARI PIHAK SWASTA. -- LAGI  
2322MST 18 05 85

MAHATHIR-KELAB 2 KUALA LUMPUR

+...SEBAB ITU KAKITANGAN KERAJAAN BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH... SAYA AKAN MERUJUK KEPADA MENTERI KEWANGAN UNTUK MEMBANTU KELAB-KELAB ANGGOTA KAKITANGAN KERAJAAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU SEMUA KETUA-KETUA JABATAN MENJALINKAN HUBUNGAN RAPAT DENGAN PARA KAKITANGAN KERANA IA AKAN MEMUDAHKAN PERJALAHAN TUGAS. -- BERNAMA  
2322MST 18 05 85